PANDUAN PELARASAN KOD AKAUN LEBIHAN ATAU KURANGAN TERKUMPUL (RE) BAGI PEMBATALAN INVOIS MELANGKAU TAHUN

1. Tujuan

Panduan ini bertujuan menerangkan tindakan yang perlu dilakukan dan pengolahan perakaunan yang betul bagi pelarasan kod akaun lebihan atau kurangan terkumpul (RE) terhadap pembatalan invois yang melangkau tahun. Ianya adalah susulan kepada penambahbaikan yang telah dilakukan di iGFMAS.

2. Pelarasan Kod Akaun Lebihan atau Kurangan Terkumpul (RE)

2.1 Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu mengemukakan permohonan pembatalan invois tahun sebelumnya ke Pejabat Perakaunan dengan melengkapkan Borang Permohonan Pembatalan Invois Tahun Lepas beserta justifikasi dan dokumen sokongan.

2.2 Pejabat Perakaunan perlu mengemukakan Borang Permohonan Penggunaan Kod Lebihan Atau Kurangan Terkumpul (RE) ke Unit Operasi Akaun Persekutuan (UOAP), Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi untuk semakan dan kelulusan. Borang ini perlu dikemukakan bersama dokumen-dokumen berikut:

i) Borang Permohonan Batal Inbois Tahun Lepas
ii) Salinan Inbois Yang Terlibat
iii) Salinan Laporan FAGLB03
iv) Lain-lain dokumen yang berkaitan

2.3 Pejabat Perakaunan dikehendaki menyemak dan memastikan ketepatan maklumat di dalam Borang Permohonan RE yang hendak dilaraskan sebelum dikemukakan untuk kelulusan.

2.4 Kelulusan permohonan penggunaan kod RE akan dimaklumkan oleh Pejabat Perakaunan kepada PTJ untuk tindakan pelarasan. PTJ perlu menyediakan baucar jurnal batal invois (DK) di portal iGFMAS dengan contoh catatan perakaunan seperti berikut:

Dt.	Lebihan Atau Kurangan Terkumpul	RM5,000.00
Kt.	Akaun Belum Terima (ABT)	RM5,000.00

2.5 Contoh kod lebihan/kurangan terkumpul (RE) adalah seperti berikut:

Bil.	Dana	Kod Akaun
1.	Dana Am – G000	E0311901
2.	Kumpulan Wang Pembangunan – P00	E0211101
3.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan – Kod Dana EXXX	E02XXXXX
4.	Kumpulan Wang Amanah Awam – Kod Dana LXXX	L12XXXXX

3. Penutup

Panduan ini dikeluarkan bagi menggantikan tatacara atau panduan sedia ada yang telah dikeluarkan sebelum penambahbaikan dilakukan di iGFMAS.

Disediakan oleh:
Unit Operasi Akaun Persekutuan
Seksyen Pengurusan Perakaunan Persekutuan
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi

26 Jun 2023